

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu akta yang melarang ajaran Syiah diamalkan di Malaysia demi kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia dalam jangka panjang.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dengan mengambil langkah-langkah yang serius dalam membendung dan menangani isu-isu berkaitan penyelewengan akidah demi kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia. Pada masa ini, kesalahan berkaitan aqidah dan kesucian agama Islam telah pun diperuntukkan dalam undang-undang kesalahan jenayah

Syariah negeri-negeri. Ia selaras dengan ketetapan di bawah Butiran 1 Senarai II Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah bidang kuasa negeri. Misalnya di Wilayah Persekutuan, peruntukan berkenaan dengan kesalahan aqidah dan kesucian agama Islam telah diperuntukkan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]

Berhubung dengan larangan Syiah di negara ini, untuk makluman Ahli Yang terhormat, sehingga kini, sebanyak 13 buah negeri telah mewartakan fatwa larangan ajaran Syiah untuk disebarikan dikalangan orang-orang yang beragama Islam. Manakala Sarawak dalam proses pewartaan.

Selain daripada penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan juga telah, sedang dan berusaha untuk memantapkan aqidah umat Islam melalui pelbagai program yang bersepadu dan terancang bagi menangani isu-isu berkaitan penyelewengan akidah.

Oleh yang demikian, Kerajaan berpandangan bahawa buat masa kini, peruntukan sedia ada dapat membendung dan mengekang ajaran Syiah serta apa-apa amalan atau doktrin yang boleh merosakkan akidah umat Islam melalui penguatkuasaan undang-undang yang sentiasa diperkemaskan.

Sekian, terima kasih.